



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA

2
NEGERI

4
DAERAH

12
PPS AKTIF


650
KELUARGA

1,642
MANGSA

0
KEMATIAN

* Data sehingga 23 November 2025 jam 12.00 tengah malam

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Banjir	Tumpat	2	255	592	Meningkat
		Bachok	3	166	540	Meningkat
		Kota Bharu	6	142	246	Meningkat
	JUMLAH		11	563	1,378	Meningkat
Terengganu	Banjir	Kuala Nerus	1	87	264	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	87	264	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN			12	650	1,642	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 telah bermula pada 13 November 2025 dan berterusan sehingga Mac 2026. Dalam tempoh MTL ini, lima hingga tujuh episod hujan lebat berterusan dijangka berlaku.
- Hujan lebat berterusan untuk tempoh beberapa hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berhampiran sungai dan berkedudukan rendah. Tiupan angin timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora dan risiko kenaikan paras laut di perairan Laut China Selatan.
- Sehingga **23 November 2025, jam 12.00 tengah malam**, terdapat **3 daerah** di **negeri Kelantan** dan **1 daerah** di **negeri Terengganu** dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **1,642 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **16 mangsa** pada **22 November 2025**). Ia melibatkan **650 keluarga** yang ditempatkan di **12 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **satu PPS** pada **22 November 2025**.
- **Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah di **Tumpat, Kelantan (592 mangsa)**, **Bachok, Kelantan (540 mangsa)** dan **Kuala Nerus, Terengganu (264 mangsa)**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **22 November 2025** adalah **Kota Bharu, Kelantan (379.8 mm)**; **Tumpat, Kelantan (327.8 mm)** dan **Bachok, Kelantan (169.0 mm)**.
- Analisis terhadap model-model ramalan cuaca terkini menunjukkan luruan monsun berterusan memasuki rantau Negara sehingga 27 November 2025. Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan lebat berterusan di utara dan timur Semenanjung dalam tempoh berkenaan. Pada masa yang sama, angin kencang dan laut bergelora juga dijangka berlaku di Laut China Selatan.
- Sehubungan dengan itu, Amaran Hujan Lebat Berterusan (Buruk dan Waspada) telah dikeluarkan melibatkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu berkuatkuasa sehingga 26 November 2025.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Sehingga 22 November 2025, jam 6.00 petang, **enam Ramalan Awal Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu berkuatkuasa sehingga 26 November 2025.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan penyediaan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS, merangkumi penyediaan makanan bermasak secara gotong-royong serta pengagihan barang keperluan asas bencana.
- Di samping itu, JKM turut menyalurkan bantuan tambahan seperti kit kebersihan (hygiene kit) dan kit bencana bagi memenuhi keperluan harian mangsa. Penempatan dan penyimpanan bantuan makanan di daerah terjejas diuruskan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Jajahan Bachok, Kelantan serta di pangkalan hadapan di PPS.
- Bagi tujuan penambahbaikan keperluan di PPS, JKM telah menempatkan barang keperluan asas di pangkalan hadapan pada lokasi strategik yang tidak berisiko terputus hubungan bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan penyampaian bantuan kepada mangsa.

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

BIL	TARIKH KEJADIAN	DAERAH	NO.LALUAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN	JENIS KEJADIAN	STATUS	STATUS JALAN	JALAN ALTERNATIF
1.	17/11/2025	GUA MUSANG, KELANTAN	D29 (JALAN NEGERI)	JALAN GUA MUSANG - JELAWANG	LADANG SG. TERAH	JALAN RUNTUH	DALAM TINDAKAN	JALAN DITUTUP SEPENUHNYA	DARI : JALAN MERAPOH - GUA MUSANG, 18300 GUA MUSANG, KELANTAN. HINGGA : LALUAN PERSEKUTUAN 8, KAMPUNG LALOH, 18000 KUALA KRAI, KELANTAN



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	25	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	4	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	33	4x4/SUV/VAN: 5, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	13	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	6	-
2.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	18	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 1, MOTOSIKAL: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	7	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-